

29 MAR 1996

PERDANA MENTERI KEMBALI DARI LAWATAN KE NEW ZEALAND

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali malam ini selepas melakukan lawatan rasmi lima hari ke New Zealand.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada pukul 9 malam.

Beliau disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Dr Wan Azizah dan para menteri Kabinet.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Jim Bolger di Wellington. Pada Rabu, beliau melancarkan kerusi Pengajian Melayu di Victoria University.

Pada Khamis, beliau diraikan oleh Timbalan Perdana Menteri New Zealand Don McKinnon sebelum melancarkan Institut Asia-NZ di Universiti Auckland. Beliau juga menghadiri satu majlis anjuran Majlis Perniagaan NZ-Malaysia.

Dalam perjalanan pulang, Dr Mahathir singgah di Brisbane untuk berunding dengan Perdana Menteri baru Australia John Howard. -- BERNAMA

ZAB WAT FAZ